

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa merupakan alat perhubungan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Melalui bahasa seseorang dapat berkomunikasi dengan orang lain tanpa halangan. Bahasa juga melambangkan sesuatu bangsa. Di dunia ini, terdapat lebih daripada 3000 bahasa. Antara bahasa-bahasa di dunia, bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang tertua.

Bahasa Tamil berasal daripada selatan India. Kajian menunjukkan bahawa bahasa Tamil telah wujud sejak tahun 2000 s.m. Bahasa Tamil juga mempunyai tatabahasa dan sastera yang lengkap lebih 2000 tahun dahulu.(Srinivasan, 2007)

Di Malaysia penggunaan bahasa Tamil adalah sangat meluas. Rakyat Malaysia berpeluang mempelajari bahasa Tamil tanpa halangan. Dalam pada itu bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil. Bahasa Tamil juga diajar sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah menengah. Pelajar juga boleh mengikuti pengajian bahasa Tamil di universiti Malaya.

Di dalam perlembagaan Malaysia, walaupun perkara 152 menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu, tetapi dalam perkara 152(1a dan 1b)) menyatakan bahawa

“tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain”

” Tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak kerajaan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan”

Perkara ini terus memberi rangsangan kepada kaum lain di Malaysia terutamanya kaum India untuk terus mempelajari bahasa Tamil di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kaum India meneruskan perjuangan mereka dalam memartabatkan bahasa Tamil di Malaysia.

1.1 Hubungan Malaysia dengan India

Hubungan antara Malaysia dengan negara India telah wujud sejak kurun ke empat. Jarak sejauh 1,920 kilometer (1200 batu) tidak menghalang para pedagang India datang ke Tanah Melayu untuk berdagang. Sejak kurun keempat dan kelima pedagang dari India telah datang ke Kedah dan Perak untuk berdagang. Seterusnya mereka telah mengembangkan agama Hindu dan Buddha di Kedah dan Perak. Hal ini terbukti melalui candi-candi yang terdapat di Lembah Bujang. Tradisi ini diteruskan semasa Kesultanan

Melayu Melaka. Pedagang dari India, telah datang ke Melaka untuk berdagang.(Arasaratnam, 1979)

Zaman kemasukan imigren India moden dengan bilangan yang besar telah bermula di Negeri-negeri Selat sejak Pulau Pinang diduduki oleh British bagi pertama kalinya pada tahun 1786. (Saraswathi, 2003) Menjelang tahun 1907, penduduk berketurunan India di NNS dan NNMB sudah mencecah lebih kurang 120,000 orang.(Rajeswary, 1981)

Pada abad ke sembilan belas, perkembangan industri getah di Tanah Melayu menyebabkan British membawa masuk ramai pekerja India Selatan ke Tanah Melayu. Pembukaan ladang-ladang getah secara besar-besaran memerlukan tenaga kerja yang ramai. Maka, British telah menggunakan pekerja dari India Selatan untuk kepentingan mereka. British dengan senangnya telah membawa masuk pekerja India Selatan kerana India merupakan tanah jajahan British pada ketika itu.

Jadual 1: Populasi kaum di Tanah Melayu dari tahun 1911-1941

Tahun	Melayu	%	Cina	%	India	%
1911	1,437,000	55	916,000	35	267,000	10
1921	1,651,000	50	1,174,000	36	471,000	14
1931	1,926,000	46	1,609,000	40	624,000	14

1941	2,278,000	42	2,379,000	44	744,000	15
-------------	-----------	----	-----------	----	---------	----

(Sumber: adaptasi Santhiram.R)

Jadual di atas menunjukkan jumlah penduduk India di Tanah Melayu dari tahun 1911-1941. Jika pada tahun 1911, terdapat 267,000 orang India iaitu 10% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu tetapi angka ini telah meningkat kepada 744,000 pada tahun 1941 iaitu 15% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu. Jadual juga menunjukkan peratus kaum Melayu yang menurun berbanding kaum lain, walaupun jumlah mereka masih ramai berbanding dengan kaum lain. Pada tahun 1911 kaum Melayu adalah 55%. Manakala pada tahun 1941 peratus mereka adalah 42%. Jumlah ini berkurang sebanyak 13%.

Seterusnya, di bahagian semenanjung, Orang India telah ditempatkan di ladang-ladang getah, berdekatan dengan tempat mereka 'dikerjakan'. Maka, pihak British terpaksa menyediakan kemudahan asas seperti tempat penginapan bagi para pekerja di estate-estate, pusat kesihatan, tempat beribadat dan sekolah. Namun, semuanya berada dalam keadaan serba kekurangan. Walau bagaimanapun, kesemua kemudahan ini diberikan kepada mereka bagi menjaga hati mereka supaya tidak memberontak.

Selepas merdeka 1957, seruan penduduk India supaya mendapatkan hak yang sama rata semakin memuncak. Seruan mereka ada yang dilaksanakan dan ada pula masih dalam proses pelaksanaan. Kini, penduduk India adalah 8% dari jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia iaitu 27 juta orang.


Jadual 2 : Populasi Penduduk Malaysia mengikut kaum di Semenanjung Malaysia dari 1947 hingga 2006

	2006	1996	1987	1970	1957	1947
Melayu	16,451,820 (63%)	9,591,963 (58.2%)	7,827,095 (57.3%)	4,685,838 (53.3%)	3,125,474 (48.8%)	2,427,834 (49.5%)
Cina	6,789,640 (26%)	4,586,087 (27.8%)	4,377,097 (32.1%)	3,122,350 (35.4%)	2,333,756 (37.2%)	1,884,543 (38.4%)
India	2,089,120 (8%)	1,511,709 (9.3%)	1,365,061 (10.0%)	932,629 (10.6%)	735,038 (11.7%)	530,638 (10.8%)
Lain-lain	783,420 (3%)	437,749 (2.7%)	86,808 (0.6%)	69,531 (0.8%)	84,450 (1.3%)	65,080 (1.3%)
Jumlah	26,114,000	16,481,579	13,653,061	8,810,348	6,278,718	4,908,086

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara

Jika kita bandingkan populasi kaum India di Tanah Melayu dalam jadual 1 dan 2, kita dapati bahawa ia menunjukkan penurunan. Pada tahun 1941 terdapat 744,000 orang India di Tanah Melayu berbanding dengan tahun 1947 iaitu 530,638 orang. Faktor utama yang mendorong penurunan ini adalah, larangan yang dikenakan oleh kerajaan India ke atas syarikat-syarikat yang membawa pekerja ke luar negara. Dalam pada itu pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga menyebabkan penurunan tersebut. (Arasaratnam, 1979)

Carta 1 : Penduduk Malaysia Mengikut Kaum di Semenanjung Malaysia dari 1947 Hingga 2006 Berdasarkan Peratus.



Sumber: Jabatan Perangkaan Negara

Carta menunjukkan peratusan penduduk mengikut kumpulan etnik di Malaysia dari tahun 1947 hingga 2006. Walaupun bilangan penduduk kaum India meningkat tetapi dari segi peratusnya ia menunjukkan penurunan. Masyarakat India yang bermastautin di sini menganggap Malaysia adalah tanah air mereka. Walaupun nenek moyang mereka berasal dari India, tetapi orang India di Malaysia sanggup bergadai nyawa mereka demi mempertahankan kedaulatan Malaysia. Maka, kini mereka berharap tahap pendidikan anak-anak mereka hendaklah terjamin. Mereka juga beranggapan bahawa adat resam dan budaya mereka hanya akan dipelihara jika pendidikan Tamil disediakan kepada anak-anak mereka. Kini, dengan jumlah penduduk India sebanyak 8% mereka berharap bahawa, masa depan

anak-anak mereka akan terjamin jika pendidikan Tamil dipelihara dan diberi ruang yang secukupnya di tanah air ini.

1.2 Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia

Selepas Parti Perikatan menang dalam pilihan raya pada tahun 1955, pendidikan menjadi matlamat penting di Tanah Melayu.. Tun Abdul Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran Tanah Melayu. Dengan bantuan 15 orang ahli legislatif, beliau telah mengkaji sistem pendidikan di Tanah Melayu. (Santhiram.R,1999) Selepas kemunculan Laporan Razak pada tahun 1956, keadaan pendidikan Tamil di Tanah Melayu telah memasuki era baru. Boleh dikatakan Pendidikan Tamil telah diselamatkan oleh Laporan Razak. Laporan Razak memberi peluang kepada kaum India untuk terus belajar bahasa Tamil di Tanah Melayu di peringkat rendah iaitu bagi kanak-kanak yang berumur 7 tahun hingga 12 tahun.

Di sekolah Rendah Kebangsaan Tamil bahasa Tamil dijadikan bahasa penghantar. Pelajar akan diajar bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di dalam jadual waktu. Malangnya pendidikan Tamil hanya dapat pelajari setakat sekolah rendah sahaja. Sekolah Tamil menengah tidak dapat wujudkan selepas merdeka.

1.2.1 Perkembangan Terkini

Jadual 3: Bilangan sekolah Tamil, jumlah pelajar dan guru mengikut negeri di Malaysia pada Januari 2008

Bil	Negeri	Sekolah	Murid	Guru
1.	Perak	134	18,192	1,365
2.	Selangor	97	34,759	1,921
3.	Pahang	37	4,117	364
4.	Kelantan	1	30	6
5.	Johor	70	14,605	1,118
6.	Kedah	58	11,205	794
7.	Melaka	21	3,469	271
8.	Negeri Sembilan	61	11,144	809
9.	Pulau Pinang	28	6785	441
10.	Perlis	1	137	11
11.	Terengganu	0	0	0
12.	Kuala Lumpur	15	3836	241
Jumlah		523	108,279	7341

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Kini, di Malaysia terdapat 523 buah sekolah Tamil, 108,279 orang pelajar dan 7341 orang guru. Semasa negara kita merdeka, terdapat 888 buah sekolah Tamil dengan bilangan murid 50,766 orang. Bilangan sekolah Tamil berkurangan dalam tempoh masa 50 tahun yang lalu akibat daripada pembangunan kawasan-kawasan ladang sebagai kawasan perumahan dan perindustrian.

Tambahan pula, kebanyakan penduduk India telah berhijrah ke kawasan-kawasan bandar. Oleh itu, pada tahun 2007 hanya terdapat 523 buah sekolah Tamil dengan bilangan murid seramai 105,618 orang. Walaupun bilangan sekolah telah Tamil menurun, namun bilangan murid di sekolah Tamil semakin meningkat. Jadual yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan pertambahan pelajar di sekolah Tamil saban hari kian meningkat. Pengkaji berpendapat bahawa, jika kemudahan yang disediakan diperbaiki, sudah tentu lebih ramai lagi akan belajar di sekolah Tamil. Ini kerana dari 523 buah sekolah Tamil, hanya 150 buah sekolah sahaja mendapat bantuan penuh kerajaan pusat. Baki 373 buah sekolah adalah bantuan modal. Sekolah bantuan modal ini terpaksa mengharungi pelbagai masalah untuk terus hidup. Antara masalahnya yang dihadapi adalah kekurangan bilik darjah, bangunan yang usang, dan tiada kemudahan asas seperti air dan elektrik. Jika kesemua sekolah ini dijadikan bantuan penuh kerajaan, sudah tentu masa depan sekolah Tamil lebih terjamin lagi.

1.3 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Rendah dan Menengah

Pada tahap satu SJK(T) jumlah masa yang diperuntukan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil adalah 450 minit. Manakala pada tahap dua pula, sebanyak 300 minit diperuntukan. Dalam pada itu, mata pelajaran seperti Moral, Pendidikan Seni, Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup dan Pendidikan Jasmani diajarkan dalam bahasa Tamil.(Mok Soon Sang, 2005)

Pelajar juga dibenarkan mengambil bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran peperiksaan di dalam UPSR. Jadual di bawah menunjukkan bilangan calon dan peratus kelulusan pelajar dalam Mata Pelajaran bahasa Tamil peringkat UPSR dari tahun 2003 hingga 2007.

Jadual 4: Keputusan UPSR Bahasa Tamil peringkat kebangsaan dari tahun 2003-2007

TAHUN	BILANGAN CALON		PERATUS KELULUSAN	
	Kefahaman	Penulisan	Kefahaman	Penulisan
2003	13,900	13898	85.6%	78.0%
2004	14,183	14184	84.9%	79.1%
2005	-	-	87.9%	79.5%
2006	14,706	14,711	86.5%	80.3%
2007	15,216	15124	86.4%	80.8%

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)

Berdasarkan jadual 5, pencapaian pelajar India di dalam mata pelajaran bahasa Tamil menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2003 peratus kelulusan di dalam kefahaman adalah 85.6%. Manakala di dalam penulisan pula peratus kelulusan adalah 78.0%. Dalam pada itu, pada tahun 2007 pula peratus kelulusan kefahaman adalah 86.4%. Ia adalah peningkatan sebanyak 1.2% berbanding tahun 2003. Di dalam penulisan pula, pada tahun 2007 peratus kelulusan adalah 80.8%. Ia adalah peningkatan sebanyak 2.8%.

Pengkaji berharap, peratus kelulusan bahasa Tamil peringkat UPSR akan terus meningkat pada masa akan datang. Jika prestasi kelulusan baik, tentu akan menggalakkan lebih ramai ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah Tamil.

Selepas tamat darjah enam, pelajar Tamil boleh mempelajari bahasa Tamil, sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah menengah. Jika terdapat permintaan daripada 15 orang ibu bapa India untuk mewujudkan kelas bahasa Tamil, Maka Pengetua hendaklah membenarkan pelaksanaan kelas bahasa Tamil. Perkara ini terkandung di dalam Penyata Razak 1956. Pelajar yang mengambil bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan boleh mengambilnya dalam peperiksaan PMR, SPM , STPM dan seterusnya di peringkat universiti. Peluang untuk mempelajari bahasa ibunda di Malaysia, adalah sesuatu yang sangat dihargai oleh masyarakat India di Malaysia. Jadual 6 menunjukkan bilangan calon dan peratus kelulusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil peringkat PMR dari tahun 2003 hingga 2007.

Jadual 5: Keputusan PMR Bahasa Tamil peringkat kebangsaan dari tahun 2003-2007

TAHUN	BILANGAN CALON	PERATUS KELULUSAN
2003	10,646	73.93%
2004	9,834	75.4%
2005	10,191	75.3%
2006	10,336	73.9%
2007	10,252	74.3%

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)

Jadual 7 menunjukkan bilangan calon dan peratus kelulusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil peringkat SPM dari tahun 2003 hingga 2007.

Jadual 6: Keputusan SPM Bahasa Tamil peringkat kebangsaan dari tahun 2003-2007

TAHUN	BILANGAN CALON	PERATUS KELULUSAN
2003		90.1%
2004	8092	94.4%
2005	7933	92.9%
2006	7859	93.6%
2007	7483	93.5%


(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)

Jadual 7: Bilangan calon yang mengambil Bahasa Tamil dalam peperiksaan awam dari tahun 2003-2007

	2003	2004	2005	2006	2007
UPSR	13,900	14,184	14,655	14,711	15,126
PMR	10646	9834	10191	10336	10252
SPM	7985	8092	7933	7859	7483
STPM	1214	1518	2141	1712	1380

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia & Majlis Peperiksaan Malaysia)

Carta 2: Bilangan calon yang mengambil Bahasa Tamil dalam peperiksaan awam Malaysia dari 2003-2007



(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia & Majlis Peperiksaan Malaysia)

Carta 2, menunjukkan bahawa bilangan calon yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan awam iaitu UPSR, PMR, SPM dan STPM adalah amat berbeza. Calon yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil di Peringkat UPSR pada tahun 2003 adalah 13,900 orang. Keadaan ini berubah di peringkat PMR iaitu hanya 10,646 calon sahaja yang mengambil Bahasa Tamil. Keadaan yang sama boleh kita melihat dalam peperiksaan SPM dan STPM.

Menyedari hal ini pelbagai pihak seperti Kelab Bell Belia Tamil Malaysia, Malaysia Hindu Sangam telah menyarankan kepada kerajaan bahawa, Bahasa Tamil seharusnya dijadikan mata pelajaran wajib kepada pelajar-pelajar India. (Makkal Osai, 2008)

Mereka berpendapat begitu kerana mata pelajaran Bahasa Tamil hanya diajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil sebagai bahasa penghantar. Sebaliknya di sekolah menengah pula, Bahasa Tamil menjadi mata pelajaran pilihan. Pelajar mempunyai pilihan untuk mengambil atau tidak mata pelajaran tersebut. Jika Bahasa Tamil dijadikan sebagai mata pelajaran wajib, maka bilangan pelajar keturunan India yang boleh mempelajari Bahasa Tamil sehingga tingkatan 5 akan meningkat. (Makka Osai, 2008)

1.4 Pernyataan Masalah.

Di sekolah menengah Malaysia Bahasa Tamil diajar dari tingkatan Peralihan hingga tingkatan enam. Sebanyak 4 waktu atau 160 minit diperuntukan dalam seminggu bagi kelas Peralihan. Manakala bagi tingkatan satu hingga enam pula, sebanyak 3 waktu atau 120 minit diperuntukan dalam seminggu (Supramani, 2007).

Sehubungan dengan itu, di sekolah menengah Bahasa Tamil diajar dengan dua cara. Cara pertama adalah, pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam jadual waktu iaitu di dalam kelas biasa. Pengajaran di dalam kelas biasa bermaksud pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil akan dimasukkan dalam jadual waktu harian. Sebanyak 120 minit atau 3 waktu diperuntukkan dalam seminggu. Guru terlatih Bahasa Tamil mengajar sekolah berkenaan.

Cara kedua ialah pengajaran dan pembelajaran dijalankan di luar jadual waktu. Pengajaran dan pembelajaran kelas ini juga dikenali sebagai kelas POL. (People Own Language). Melalui Cara ini pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dilakukan di

luar waktu sekolah selama 2 jam seminggu. Guru POL ijazah dibayar RM60.00 sejam. Manakala Guru POL bukan ijazah dibayar RM50.00 sejam. Guru POL dilantik dari sekolah lain. Guru Bahasa Tamil dari sekolah yang sama tidak dibenarkan mengajar kelas POL. Guru yang sudah bersara juga dibenarkan mengajar kelas ini. Guru POL yang dipilih akan mengadakan kelas Bahasa Tamil selepas waktu sekolah. Biasanya kelas akan diadakan pada hari Jumaat ataupun Sabtu.

1.4.1 Pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil sebelum tahun 2000

Sebelum tahun 2000, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di negeri Johor secara amnya dan secara khususnya di daerah Muar dijalankan selepas waktu persekolahan iaitu sebagai kelas POL. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah ketika itu dikendalikan oleh guru-guru sekolah rendah Tamil yang kebanyakannya hanya memiliki sijil SPM dan Diploma Perguruan. Guru POL ini juga adakalanya dari kalangan guru yang sudah bersara. Keadaan ini wujud kerana ketiadaan guru Bahasa Tamil yang terlatih ketika itu di sekolah menengah.

Dalam soal pemantauan, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di negeri Johor, kelas POL dan guru POL ini dipantau oleh seorang pegawai Bahasa Cina di Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Dalam masa yang sama, pegawai berkenaan juga memantau kelas POL Bahasa Mandrin. Dalam pada itu, jika sekolah berkenaan mempunyai guru berketurunan India beliau akan menyelia dan memantau kelas dan guru

POL. Jika tiada guru berketurunan India, seorang guru yang tidak mempunyai pengetahuan Bahasa Tamil ditugaskan untuk menyelia dan memantau guru POL dan kelas POL.

Menurut Rajagopal Kuladasamy (1991), pelbagai cadangan dan pendapat telah diutarakan bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Antaranya adalah, pada tahun 1987, satu jawatankuasa bebas telah ditubuhkan. Jawatankuasa berkenaan diketuai oleh YB En. Woo See Chin (Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu). Antara cadangan jawatankuasa itu ialah

- 1) Pengetua harus mengambil langkah yang positif bagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dan Mandrin di sekolah menengah.
- 2) Memulakan kelas-kelas Bahasa Tamil dan Bahasa Mandrin sebaik sahaja sekolah dibuka bagi penggal pertama dan pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa ini diadakan dalam waktu sekolah.
- 3) Murid-murid India dan Cina diwajibkan mengambil bahasa Tamil dan Mandrin dalam peperiksaan SRP dan SPM
- 4) Meningkatkan taraf guru-guru Bahasa Tamil dan Mandrin melalui latihan khas atau tambahan.

Pada tahun 2000 iaitu selepas 13 tahun cadangan jawatankuasa berkenaan, dapat dilihat perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah.

1.4.2 Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil selepas tahun 2000

Mulai tahun 2000 perubahan mula berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah Malaysia. Pada tahun itu, seorang pegawai Bahasa Tamil dengan jawatan Penolong Pengarah DG 41 telah dilantik dan ditempatkan di semua negeri kecuali Kelantan, Terengganu, Sabah, dan Sarawak. (Supramani, 2007) Penolong pengarah yang dilantik telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memartabatkan Bahasa Tamil di sekolah menengah.

Menurut Pegawai Bahasa Negeri Johor, selepas tahun 2000, jumlah guru bahasa Tamil sepenuh masa di sekolah menengah negeri Johor telah menunjukkan peningkatan. Tambah beliau lagi, jumlah sekolah yang menawarkan kelas bahasa Tamil juga meningkat.

Di daerah Muar, tempat pengkaji melakukan kajian, terdapat 35 buah sekolah menengah. Dari 35 buah sekolah hanya 15 buah sekolah mempunyai pelajar yang mempelajari Bahasa Tamil. Sebelum tahun 2000 pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dalam di kesemua 15 buah sekolah berkenaan dijalankan sebagai kelas POL iaitu

di luar jadual waktu. Mulai tahun 2000, hanya 7 buah sekolah sahaja yang menawarkan kelas Bahasa Tamil sebagai kelas POL dan 8 buah sekolah lain telah menjalankan kelas Bahasa Tamil di dalam kelas biasa.

Mengambil kira dua situasi yang berbeza iaitu pengajaran dan pembelajaran dalam dalam kelas biasa dan kelas POL , maka pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji dan membandingkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Tamil. Kajian akan dijalankan secara perbandingan antara pelajar yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL. Pengkaji ingin memastikan sama ada pencapaian pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan pencapaian pelajar yang belajar dalam kelas POL berbeza. Semasa membandingkan pencapaian pelajar, sikap pelajar terhadap mata pelajaran dan guru Bahasa Tamil akan diambil kira. Di akhir kajian, pengkaji berharap dapat memberikan satu keputusan yang relevan mengikut peredaran masa kini.

1.5 Objektif kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.5.1 Mengetahui tahap pencapaian pelajar sekolah menengah Daerah Muar terhadap pengajaran Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL.
- 1.5.2. Membandingkan tahap pencapaian Bahasa Tamil dalam kalangan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dan kelas POL.

- 1.5.3. Membandingkan tahap penguasaan kemahiran iaitu kemahiran menulis dan membaca Bahasa Tamil dalam kalangan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL.
- 1.5.4 Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dari segi sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas biasa dengan kelas POL yang mempengaruhi pencapaian.

1.6 Persoalan kajian

- 1.6.1 Apakah tahap pencapaian Bahasa Tamil dalam kalangan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL?
- 1.6.2. Adakah kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dapat memperoleh prestasi yang baik berbanding dengan kumpulan pelajar yang diajar dalam kelas POL?
- 1.6.3. Adakah tahap penguasaan kemahiran Bahasa Tamil iaitu kemahiran menulis dan kemahiran membaca berbeza dalam kalangan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL?

1.6.4. Adakah terdapat perbezaan dari segi sikap dalam kalangan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL yang mempengaruhi pencapaian pelajar?

1.7 Kepentingan kajian

1.7.1 Hasil daripada kajian akan menunjukkan kedudukan sebenar pencapaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.

1.7.2 Hasil kajian ini juga boleh membantu pihak penggubal polisi khususnya di peringkat Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran dan sekolah supaya menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil.

1.7.3 Hasil kajian juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk memartabatkan Bahasa Tamil di Malaysia.

1.8 Batasan kajian

1.8.1 Kajian ini terbatas kepada:

a) Bilangan sampel terhad kepada 100 orang pelajar sekolah menengah yang belajar Bahasa Tamil di daerah Muar, Johor.

- b) Pengkaji ingin memilih daerah Muar kerana berdekatan dengan tempat tinggal. Cara ini akan memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian.
- c) Di daerah Muar terdapat 35 buah Sekolah Menengah. Daripada jumlah itu Bahasa Tamil hanya diajar di 15 buah sekolah sahaja. Daripada 15 buah sekolah tersebut, di 8 buah sekolah Bahasa Tamil diajar di dalam kelas biasa manakala di 7 buah sekolah Bahasa Tamil diajar di luar jadual waktu sebagai kelas POL

1.9 Definisi

1. Pencapaian

Menurut Kamus Dewan pencapaian didefinisikan sebagai keputusan ataupun kejayaan.

2. Kelas POL

“People Own Language” adalah bahasa ibunda diajarkan kepada pelajar-pelajar India dan Cina di sekolah rendah dan menengah jika terdapat permintaan lebih dari 15 orang ibu bapa. Jika di dalam sesebuah kelas tidak mencukupi 15 orang pelajar, pelajar kelas tersebut boleh bergabung dengan kelas lain supaya menjadikan lebih dari 15 orang pelajar.

3. Kelas biasa

Pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam waktu persekolahan iaitu dari 7.30 pagi hingga 2.00 petang jika sesi pagi atau 1.00 hingga 6.40 jika sesi petang. 120 minit atau 3 waktu diperuntukan setiap minggu.

4. Kelas POL

Pengajaran dan pembelajaran dijalankan sebelum atau selepas waktu persekolahan iaitu sebelum pukul 1.00 tengah hari jika sesi petang dan selepas pukul 2.00 petang jika sesi pagi. Kelas dijalankan selama 2 jam setiap minggu.